

05/07/2002

Temu duga calon guru pelatih dalam bahasa Inggeris

Daud Awang

SEMUA calon yang ingin memasuki maktab perguruan perlu menguasai bahasa Inggeris dengan baik kerana temu duga pengambilan guru pelatih dibuat dalam bahasa itu.

Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Mohd Nadzari Abd Aziz, berkata walaupun ia tidak termasuk dalam syarat pengambilan guru pelatih, tetapi pihaknya akan memberi penekanan terhadap perkara itu mulai tahun ini.

Katanya, setiap calon perlu menguasai bahasa Inggeris bagi memudahkan mereka mengikuti latihan di maktab perguruan terutama bagi mata pelajaran Matematik dan Sains.

Beliau berkata, perkara itu adalah sebahagian daripada langkah susulan pihaknya untuk memastikan guru yang mengikuti kursus di maktab perguruan menguasai bahasa Inggeris terutama dalam dua subjek berkenaan.

"Proses temu duga akan dibuat seperti biasa tetapi akan dilaksanakan dalam bahasa Inggeris bagi memilih calon guru yang boleh menguasai bahasa itu.

"Dengan cara ini, seseorang bakal guru pelatih akan bersedia sejak peringkat awal sebelum mereka memulakan latihan di maktab perguruan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian konvokesyen Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (MPPM) di Melaka, semalam.

Seramai 209 guru pelatih MPPM menerima sijil dan diploma masing-masing pada majlis itu. Turut hadir, Pengarah Pendidikan Melaka, Baharom Kamari dan Pengetua MPPM, Zuwiyah Pendek.

Mengenai cadangan penggunaan bahasa Inggeris untuk pengajaran Sains dan Matematik mulai tahun depan, Nadzari berkata pihaknya sudah bersedia untuk melaksanakan dasar itu.

"Kita mempunyai mekanisme yang tersendiri dan jika kerajaan memutuskan untuk melaksanakannya tahun depan, kita bersedia melaksanakannya.

"Mungkin pada peringkat awal ada cacat celanya, tetapi lambat laun ia akan dapat diatasi sepenuhnya," katanya.

Akhbar kelmarin melaporkan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berkata, laporan muktamad mengenai cadangan penggunaan bahasa Inggeris untuk pengajaran subjek Sains dan Matematik masih belum siap.

Sehubungan itu, katanya, Kabinet akan mengadakan mesyuarat khas pada 16 Julai ini bagi membincangkan cadangan penggunaan bahasa Inggeris untuk pengajaran Sains dan Matematik.

Beliau berkata, mesyuarat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu akan memutuskan kaedah pengajaran dan pelaksanaannya.

Ketika ditanya mengenai cadangan menjadikan teknologi maklumat (IT) sebagai mata pelajaran teras, beliau berkata, walaupun IT tidak menjadi mata pelajaran teras, subjek itu sudah diperkenal sejak sekian lama sebagai mata pelajaran elektif.

"Ia terpulang kepada kerajaan untuk menentukannya sama ada perlu dijadikan sebagai mata pelajaran teras atau dikekalkan seperti biasa," katanya.